

Berita Harian Mac 2018

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	Khamis 1 Mac 2018	Jangan ubah Dasar Pendidikan ikut acuan sendiri - Zahid	Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi	2
2.	Khamis 1 Mac 2018	Tutup 1MDB bukan bermotif politik	1Malaysia Development Bhd (1MDB)	4
3.	Sabtu 3 Mac 2018	Pegawai SPRM ditempatkan dalam Unit Integriti FELDA	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	6
4.	Ahad 4 Mac 2018	FELDA dapat semula tanah Jalan Semarak minggu depan	PENGERUSI FELDA, Tan Sri Shahrir Abdul Samad	7
5.	Ahad 4 Mac 2018	Jambatan udara dalam projek naik taraf LTAL	Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai	9
6.	Rabu 7 Mac 2018	Tindakan DoJ rampas Equanimity menyalahi perlembagaan - Peguam kanan	1Malaysia Development Bhd (1MDB)	11
7.	Jumaat 9 Mac 2018	FELDA dapat kembali 16 lot tanah	PENGERUSI FELDA, TAN Sri Shahrir Samad	13
8.	Selasa 13 Mac 2018	PM lulus RM78 juta bina PPR di Kangar	Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak	15
9.	Rabu 14 Mac 2018	Usul di Switzerland: 1MDB tidak hilang wang	1Malaysia Development Bhd (1MDB)	17
10.	Khamis 15 Mac 2018	PAC saran had tunggakan cukai luar negara dinaikkan	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC)	19
11.	Selasa 20 Mac 2018	RM200 juta bantu perkasa KR1M 2.0	Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak	21
12.	Khamis 22 Mac 2018	Tahan 6 lelaki kes tanah Ijok elak ketirisan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	23
13.	Jumaat 23 Mac 2018	Isu 1MDB tidak jejas pelaburan	PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak	25
14.	Jumaat 23 Mac 2018	1MDB mangsa politik - PM	PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak	26
15.	Ahad 25 Mac 2018	Laporan NTP bukti kejayaan pacu ekonomi negara	MENTERI Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani	28
16.	Isnin 26 Mac 2018	PM umum peruntukkan RM222 juta untuk Merbok	PERDANA Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak	30
17.	Khamis 29 Mac 2018	Kerajaan sasar bina 200,000 unit PPA1M	PERDANA Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak	31



TIMBALAN Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi semasa ucap tama pada Ijtimak Majlis Perundingan Islam Kebangsaan 2018 di Alhijrah Big Studio (ABS) TV Alhijrah, Cyberjaya.

1. Jangan ubah Dasar Pendidikan ikut acuan sendiri - Zahid

CYBERJAYA: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengingatkan pemimpin yang dilantik sebagai Menteri Pendidikan supaya tidak mengubah perkara asas dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan mengikut acuan legasi mereka.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kepelbagaian kaum dan latar belakang yang berbeza di negara ini bukan alasan untuk menjadikan sektor penting itu dilihat 'cacamarba' hingga hilang identiti tersendiri.

"Siapa saja jadi menteri pendidikan harus terus patuh kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan yang ada dan yang akan kita lihat semula melalui dapatan daripada resolusi Majlis Perundingan Islam (MPI).

"Sebab itu, dalam resolusi tadi, saya sempat sarankan kepada kluster pendidikan supaya memasukkan saranan sesiapa saja yang menjadi menteri pendidikan supaya tidak cuba mewujudkan legasi sendiri.

"Ya, pemimpin datang dan pergi, namun dalam soal dasar pendidikan, jangan jadi bahan uji kaji, begitu juga anak kita jangan jadi bahan uji kaji," katanya ketika berucap menutup Ijtimak Majlis Perundingan Islam Kebangsaan di sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

Ahmad Zahid menegaskan bahawa beban tidak sepatutnya ditanggung oleh murid disebabkan oleh perubahan dasar yang dilakukan hanya untuk melayani kehendak sesetengah pihak.

"Beban yang ditanggung bukan sekadar soal pemikiran, begitu juga soal beban buku teks yang dibawa oleh murid hingga ada yang 'bongkok' sebelum usia dek kerana beban ini," katanya.

Menyentuh soal kluster politik, Ahmad Zahid berkata, politik harus digunakan untuk memperkuat agama dan bukan sebaliknya.

"Ada yang menganggap politik adalah segala-galanya tetapi saya tegas mengatakan politik sepatutnya bertindak sebagai alat dalam memperkuat agama, bukannya digunakan untuk memperkukuh politik masing-masing.

"Kerana itu, kita jadikan pendekatan dalam MPI sebagai contoh, biarpun dianggotai individu pelbagai latar belakang pendidikan, kepakaran dan ideologi politik, mereka membuangnya atas dasar kebersamaan pemikiran bagi merangka sesuatu inisiatif yang boleh dilaksanakan kerajaan untuk kepentingan ummah.

"Kita ketepikan perbezaan demi untuk melaksanakan resolusi kerana ini kepentingan bersama atas persetujuan bersama, ini yang harus ada sebagai pendekatan baharu," katanya.

Timbalan Perdana Menteri turut mengumumkan MPI sebagai sebuah sekretariat dengan ketua dari tujuh kluster diangkat menjadi anggota tetap MPI.

Dalam pada itu, 30 resolusi dihasilkan menerusi ijtima' berkenaan yang akan dibawa untuk pertimbangan kerajaan, antaranya memperluas pembudayaan amalan wakaf bermula di sekolah rendah, menjadikan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sebagai Institusi Korporat Amanah yang perlu dipertahankan sebagai aset negara.

Pemeriksaan institusi keluarga yang akan dipantau Majlis Sosial Negara, melaksana program kerohanian bagi membentuk modal insan berkualiti, memperbetulkan persepsi mengenai kedaulatan Islam di Malaysia dan memperkasa institusi kesultanan Melayu melalui pemeriksaan undang-undang di peringkat Persekutuan dan negeri.

2. Tutup 1MDB bukan bermotif politik

KEPALA BATAS: Keputusan untuk menutup syarikat pelaburan strategik, 1Malaysia Development Bhd (1MDB), apabila semua hutang firma itu berjaya diselesaikan, tidak bermotifkan politik.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa, berkata kerajaan sebagai pemegang saham terbesar 1MDB berhak memastikan kepentingannya yang turut membabitkan rakyat, terjamin.

"Sebelum ini 1MDB difitnah dan ditelanjangkan pembangkang, walaupun tiada bukti kukuh berhubung dakwaan penyelewengan syarikat itu.

"Oleh itu, secara peribadi, saya berpendapat sukar untuk 1MDB menjalankan perniagaan seperti syarikat biasa berikutan sudah terpalit dengan tuduhan.

"Perniagaan juga tidak boleh diuruskan berdasarkan sentimen dan saya yakin keputusan menutup 1MDB dibuat tanpa berlandaskan politik semata-mata," katanya di sini, hari ini.

Terdahulu Annuar menjadi moderator dalam 'Forum Perjuangan For All' Kompleks Rakyat Pinang Tunggal, di sini, yang membariskan Timbalan Menteri Luar, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican dan Ahli Parlimen Pendang, Othman Abdul sebagai ahli panel.

Kelmarin, Pengerusi 1MDB, Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah, mengumumkan 1MDB akan ditutup sebaik saja semua hutang firma itu berjaya diselesaikan.

Katanya, beliau yakin syarikat itu mampu membayar segala hutang melalui pelan rasionalisasi yang sedang dilaksanakan.

Beliau yang juga Ketua Setiausaha Perbendaharaan, berkata hutang terbabit akan dibayar daripada hasil pendapatan projek mega kerajaan seperti pembinaan Tun Razak Exchange (TRX), menara The Exchange 106 yang tertinggi di Malaysia, Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) serta Transit Aliran Massa Kedua (MRT 2).



KETUA Penerangan Umno, Tan Sri Annuar Musa (tengah) emasa sidang media selepas Forum Perjuangan Untuk Semua di Kompleks Rakyat Dun Pinang Tunggai, Kepala Batas, Pulau Pinang

3. Pegawai SPRM ditempatkan dalam Unit Integriti FELDA

JOHOR BAHRU: FELDA akan menempatkan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam Unit Integriti agensi itu, kata Pengerusinya, Tan Sri Shahrir Abdul Samad.

Beliau berkata, ahli lembaga pengarah sudah meluluskan cadangan itu dan kini hanya menunggu maklum balas SPRM bagi menentukan tarikh penempatan pegawainya di unit berkenaan.

Selain memeriksa dan memantau, katanya, pegawai itu akan memberi pendidikan, latihan serta nasihat kepada kakitangan FELDA dalam pelbagai perkara berkaitan rasuah dan integriti.

"Mereka juga akan menjadi rujukan bagi sebarang maklumat berkaitan rasuah dan integriti," katanya sambil menjelaskan FELDA turut membayar gaji pegawai terbabit.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri sambutan Tahun Baharu Cina 2018 Bersama Ahli Parlimen Johor Bahru dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), di Taman Suria di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Shahrir berkata, langkah pihaknya meletakkan pegawai SPRM di agensi itu bagaimanapun bukan bermakna ada banyak kes rasuah dalam FELDA, sebaliknya bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat.



PENGERUSI FELDA, Tan Sri Shahrir Abdul Samad.

4. FELDA dapat semula tanah Jalan Semarak minggu depan

KLUANG: FELDA akan memperoleh kembali tanahnya yang bernilai RM270 juta di Jalan Semarak secara rasminya minggu depan, kata Pengerusinya, Tan Sri Shahrir Abdul Samad.

Beliau berkata, pemulangan semula hak milik tanah berkenaan membuktikan komitmen bersungguh dan berterusan FELDA dalam menjaga harta miliknya, di samping kebajikan peneroka.

"Insya-Allah FELDA akan dapat kembali hak milik tanah Jalan Semarak secara rasmi pada minggu hadapan.

"Proses penukaran nama hak milik geran tanah ke atas nama FELDA sedang dilaksanakan minggu ini dan dijangka selesai dalam masa terdekat, semua tanda tangan yang diperlukan kita sudah dapat.

"Kita jangkakan Isnin minggu depan, semuanya selesai dan geran hak milik akan kembali di atas nama FELDA," katanya selepas perasmian Karnival Orang FELDA Sembrong Kita di padang FELDA Ulu Penggeli, dekat sini, hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein merangkap Ahli Parlimen Sembrong yang merasmikan karnival itu.

Januari lalu, BH melaporkan FELDA akan memperoleh kembali tanahnya di Jalan Semarak tanpa kos daripada pemaju Kuala Lumpur Vertical City (KLVC), Synergy Promenade Sdn Bhd (SPSB).

Kontroversi membabitkan tanah FELDA tercetus selepas BH mendedahkan FELDA berisiko kehilangan tanah miliknya bernilai RM270 juta di Jalan Semarak bagi tujuan pembangunan KLVC menerusi transaksi pindah milik yang diragui sejak 2015.

Pindah milik tanah itu dipercayai berlaku apabila Felda Investment Corporation Sdn Bhd (FIC) melantik sebuah syarikat tempatan sebagai pemaju utama pada 3 Jun 2014 dan diberikan surat kuasa wakil penuh bagi membangunkannya.

Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad adalah Pengerusi FELDA dari 2011 hingga Januari 2017; Pengerusi Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) mulai 1 Januari 2011 hingga 19 Jun lalu dan Pengerusi FIC sejak ditubuhkan pada 2 Julai 2013 sehingga 2017.

Sementara itu, Shahrir berkata, siasatan polis dan dalaman terhadap kes berkenaan masih berjalan walaupun hak milik tanah berkenaan sudah kembali kepada FELDA.

"Ini kerana siasatan dijalankan polis dan siasatan dalaman FELDA mendapati terdapat unsur meragukan dalam urusan niaga berkenaan," katanya.



MENTERI Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai ketika hadir pada perjumpaan dengan kepimpinan MCA Bahagian Alor Setar di Jalan Pegawai, Alor Setar, hari ini.

5. Jambatan udara dalam projek naik taraf LTAL

ALOR SETAR: Pembinaan jambatan udara (aerobridge) akan dilaksanakan selepas fasa pertama projek menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LTAL) siap sepenuhnya Ogos ini.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata beliau sudah menerima arahan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk membina jambatan udara dalam fasa dua bagi memperkasakan LTAL sekali gus menambah jumlah penerbangan terus ke Langkawi bagi meningkatkan jumlah pelancong.

Beliau berkata, fasa pertama membabitkan kos keseluruhan RM89 juta dengan tempoh 10 bulan projek, membabitkan kerja pembesaran parkir, balai ketibaan, tandas, terminal komersial, surau dan laluan kenderaan ke terminal utama.

"Fasa kedua pula akan dimasukkan jambatan kedua kerana apa yang diminta Perdana Menteri sedang diteliti malah, kita sudah meminta pihak perunding bagi meneliti dan membuat rekaan dan rancangan sebelum dapat menilai kos pelaksanaannya.

"Pelaksanaan fasa dua akan terus berjalan seperti yang dirancang selepas siapnya fasa pertama kerana ia tidak mengganggu jadual penerbangan dan aktiviti di LTAL.

"Saya akan pastikan ia berjalan lancar kerana apa yang dimahukan kerajaan sudah pastinya mampu meningkatkan jumlah pelancong antarabangsa kerana ketiadaan jambatan udara pastinya menyebabkan syarikat penerbangan beralih ke lapangan terbang yang menyediakan perkhidmatan

terbabit," katanya selepas perjumpaan dengan kepimpinan MCA Bahagian Alor Setar di Jalan Pegawai di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pengumuman Perdana Menteri pada hari terakhir Ekspo Muafakat Kedah, di Stadium Darul Aman di sini, semalam, yang mahu Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim (LTSAH), dinaik taraf sebagai lapangan terbang antarabangsa dalam tempoh lima tahun akan datang.

Selain itu, beliau mahu LTAL dijadikan pintu masuk negara dengan adanya penerbangan terus apabila jambatan udara dibina bagi membolehkan pesawat besar mendarat.

Mengulas lanjut mengenai cadangan menaik taraf LTSAH, di sini, sebagai lapangan terbang antarabangsa dalam tempoh lima tahun akan datang, Tiong Lai berkata, pihaknya sudah mengarahkan Malaysia Airports Holding Bhd (MAHB) mengoptimumkan penggunaan LTSAH bagi merealisasikan hasrat Perdana Menteri.

"Pelaksanaannya boleh dilakukan segera kerana LTSAH adalah lapangan terbang yang serba lengkap, maka kita perlu mencari jalan mengoptimumkan keupayaannya dengan menarik lebih banyak penerbangan antarabangsa secara terus.

"Lebih banyak kerjasama akan dilakukan dengan negara lain dan menyusun penjadualan penerbangan selain menghubungkan penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)," katanya.



6. Tindakan DoJ rampas Equanimity menyalahi perlembagaan - Peguam kanan

KUALA LUMPUR: Tindakan pihak berkuasa Indonesia merampas kapal layar mewah, Equanimity atas permintaan Jabatan Keadilan (DoJ) Amerika Syarikat minggu lalu mencacatkan integriti mahkamah Amerika serta melanggar perlembagaan negara kuasa besar itu, kata seorang peguam kanan.

Quintin Rozario, peguamcara kelahiran Malaysia berpejabat di Brisbane, Australia, berkata sepanjang beberapa bulan lalu, banyak pengulas dan pengkritik menyuarakan keprihatinan mereka berhubung Akta Perlucuthakan Sivil yang digunakan DoJ bagi menghalalkan tindakan merampas kapal mewah itu, yang dikatakan milik ahli perniagaan Malaysia, Low Taek Jho atau lebih dikenali sebagai Jho Low.

Beliau memberitahu BERNAMA bahawa walaupun Perlembagaan Amerika adalah berlandaskan prinsip kesamarataan dan keadilan, yang diguna pakai dalam melaksanakan dan menguatkuasakan semua undang-undangnya, Akta Perlucuthakan "kini diguna pakai secara terang-terangan sebagai alat untuk menindas dan melancarkan perang saraf ekonomi oleh satu demi satu pentadbiran Amerika bagi mencapai kehendak mereka terhadap negara lebih kecil."

Rozario juga menyokong pendapat Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak bahawa DoJ tidak menunjukkan sebarang "bukti nyata" Jho Low adalah pemilik kapal mewah yang dirampas di Bali pada 28 Februari itu sebagai sebahagian daripada penyiasatan DoJ, yang bermula pada 2016, terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

"DoJ belum membuktikan walau satu pun daripada dakwaannya di mahkamah keadilan, walaupun sudah hampir dua tahun berlalunya sidang akhbar sensasi yang diadakannya pada Julai 2016," kata Salleh.

Rozario berkata: "Hakikatnya ialah DoJ mahu merampas harta milik individu tertentu yang dikatakan telah menipu 1MDB, tetapi bukan harta 1MDB sendiri. Alasan itu sendiri adalah sesuatu yang

meragukan sekiranya seseorang itu mengambil kira bahawa 1MDB bukanlah pihak yang membuat aduan terhadap individu berkenaan dan tidak pernah langsung mengemukakan sebarang aduan.

"1MDB adalah satu-satunya pihak yang mempunyai kedudukan di sisi undang-undang untuk mengemukakan aduan dan mengambil tindakan untuk mendapatkan kembali asetnya dalam keadaan seperti itu."

Peguam itu berkata walaupun mengikut akta berkenaan, adalah memadai bahawa dengan mengesyaki seseorang defendan telah melakukan jenayah dan mengaitkan antara harta yang dirampas itu dengan perlakuan kesalahan jenayah bagi mewajarkan tindakan perlucuthakan diambil, tetapi hanya mahkamah keadilan yang mempunyai kuasa untuk memutuskan sama ada sesuatu jenayah telah dilakukan.

Dengan menyifatkan Akta Perlucuthakan Sivil sebagai "undang-undang yang tidak baik", Rozario berkata sesebuah negara bertamadun tidak sepatutnya membenarkan ia dikuatkuasakan atau memberi kerjasama dengan melaksanakan peruntukan undang-undang itu di wilayah mereka.

Sejurus selepas kapal mewah itu dirampas, Jho Low segera mengeluarkan kenyataan yang menyelar DoJ kerana melakukan "global outreach" serta mendakwa beliau telah menjadi mangsa dalam penganiayaan politik.



TAN Sri Shahrir Samad.

7. FELDA dapat kembali 16 lot tanah

KUALA LUMPUR: FELDA secara rasmi memperoleh kembali 16 lot tanahnya yang bernilai RM270 juta di Jalan Semarak, hari ini.

Perkara itu diumumkan Pengerusi FELDA, Tan Sri Sharir Samad, pada sidang media khas di Menara FELDA di sini, sebentar tadi.

Sharir berkata, ada 17 tanah didaftarkan atas nama syarikat pemaju, Synergy Promenade Sdn Bhd (SPSB), dan pendaftaran semula dilaksanakan secara berperingkat bulan ini.

"Dua tanah lot terakhir yang diperoleh kembali, didaftarkan kepada FELDA pada 8 Mac (semalam).

"Jawatankuasa Khas Rundingan yang dilantik 8 Februari lalu, akan memulakan rundingan penambahbaikan syarat Perjanjian Pembangunan 24 lot tanah dengan SPSB," katanya.

Shahril berkata, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dengan Ahli Lembaga FELDA akan berunding untuk menilai berkenaan pembangunan tanah dan aset kerajaan.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut anggaran kos penilaian semula 24 lot tanah berkenaan dan sama ada perjanjian terdahulu berat sebelah.

Beliau berkata, satu perjanjian persefahaman antara FELDA dan SPSB dimeterai pada 15 Januari lalu, mencapai kata putus untuk menggariskan tiga perkara.

"Pertama, SPSB akan mengembalikan tanah atas nama mereka kepada FELDA untuk didaftarkan semula tanpa sebarang kos.

"Kedua, perjanjian persefahaman (MoU) untuk tambah baik perjanjian antara kedua-dua pihak. Ketiga, siasatan forensik serta audit masih berlangsung dan akan diteruskan," katanya.

Kontroversi membabitkan tanah FELDA tercetus selepas laporan BH baru-baru ini mendedahkan, FELDA berisiko kehilangan tanah miliknya bernilai RM270 juta di Jalan Semarak bagi tujuan pembangunan Kuala Lumpur Vertical City (KLVC) menerusi transaksi pindah milik yang diragui sejak 2015.

Pindah milik tanah itu dipercayai berlaku apabila Felda Investment Corporation Sdn Bhd (FIC) melantik sebuah syarikat tempatan sebagai pemaju utama pada 3 Jun 2014 dan diberikan surat kuasa wakil penuh (full power of attorney) bagi membangunkannya.

Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad adalah Pengerusi FELDA dari 2011 hingga Januari 2017; Pengerusi Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) mulai 1 Januari 2011 hingga 19 Jun lalu; dan Pengerusi FIC sejak ditubuhkan pada 2 Julai 2013 hingga tahun lalu.

Difahamkan, semua keputusan pelantikan syarikat terbabit, dipercayai dibuat oleh FIC tetapi hanya dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah FELDA tiga bulan kemudian, iaitu pada 2 September 2014 untuk kelulusan secara retrospektif.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak merasmikan Pusat Transformasi Bandar (UTC) Perlis di Kangar.

8. PM lulus RM78 juta bina PPR di Kangar

KANGAR: Datuk Seri Najib Razak meluluskan peruntukkan RM78 juta bagi membina 500 unit kediaman Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Parlimen Kangar, di sini.

Projek PPR Kangar itu adalah tambahan kepada lapan projek untuk Perlis membabitkan peruntukkan lebih RM300 juta yang diluluskan sebelum ini.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Persekutuan berupaya mengumumkan projek tambahan di negeri ini susulan keadaan ekonomi negara yang sedang berkembang pesat, ditambah aspek kewangan berada pada tahap yang mantap.

"Kewangan Malaysia begitu mantap dan hasil ekonomi kita juga sedang berkembang, maka saya nak umumkan projek yang kita sudah luluskan.

"Ia termasuklah projek baharu membabitkan 500 unit rumah PPR di Kangar dengan peruntukkan RM78 juta, dengan ini ketiga-tiga Parlimen di Perlis mempunyai PPR masing-masing," katanya ketika berucap pada perasmian Pusat Transformasi Bandar (UTC) Perlis dan Ramah Mesra Perdana Menteri bersama Penjawat Awam di sini.

Yang turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim.

UTC Perlis yang dibina dengan kos RM35.5 juta hanya mengambil masa selama 10 minggu untuk disiapkan sebelum mula beroperasi sejak Oktober 2017 lalu.

Pada majlis itu, Najib turut meluluskan peruntukkan tambahan RM500,000 bagi pembinaan surau awam, laluan berbumbung dan pagar di UTC Perlis.

Selain PPR Kangar, Najib sebelum ini turut meluluskan dua lagi projek sama membabitkan 500 unit PPR di Padang Besar dengan peruntukkan RM78 juta dan 400 unit PPR di Arau (RM62.4 juta).

Pada masa sama, Najib berkata, turut diluluskan kerajaan sebelum ini ialah pembinaan loji rawatan air (LRA) di Tasoh berkapasiti sebanyak 40 juta liter sehari membabitkan kos RM41 juta dan projek menangani air tidak terhasil dengan peruntukkan RM50.5 juta.

"Selain itu, kerajaan meluluskan projek pintu kawalan barrage air di Kuala Perlis membabitkan kos RM50 juta; terminal pengangkutan awam bersepadu di Serian (RM30 juta); Bazaria Padang Besar dan Bazaria Kangar membabitkan pembinaan premis perniagaan masing-masing kos sebanyak RM10 juta.

Sementara itu, Azlan berkata, pelbagai perancangan diluluskan kerajaan termasuk pembinaan UTC membuktikan kerajaan yang diterajui Barisan Nasional (BN) tidak pernah mengenepikan Perlis, walaupun ia negeri paling kecil di Malaysia.

"Pembinaan UTC Perlis ini adalah bukti Perdana Menteri mahukan rakyat Perlis mendapat perkhidmatan kerajaan yang cekap dan terbaik dan kita mengucapkan terima kasih untuk itu, " katanya.



Pengarah *Global Bersih*, Bala Chelliah (kanan), Konsulat Kebangsaan Swiss, Carlo Sommaruga (tengah) dan Pengarah Pusat Untuk Memerangi Rasuah dan Kronisme, Cynthia Gabriel menghadiri sidang akhbar di Bangunan Parlimen Swiss (Bundeshaus) di Bern, Switzerland

9. Usul di Switzerland: 1MDB tidak hilang wang

Kuala Lumpur: Syarikat pelaburan strategik negara, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) menegaskan ia tidak kehilangan wang berjumlah CHF104 juta (kira-kira RM430 juta) yang kini dipegang oleh Perbendaharaan Persekutuan Switzerland.

Syarikat berkenaan dalam satu kenyataan hari ini berkata justeru, wang RM430 juta itu hanya layak dituntut oleh pihak yang berkaitan dan tidak boleh dituntut oleh 1MDB atau Kerajaan Malaysia kerana kedua-duanya tidak disenaraikan dalam usul berkaitan yang dibuat di Majlis Kebangsaan Switzerland.

Katanya, Majlis Kebangsaan Switzerland berhak membahaskan sebarang usul yang dibentangkan dan membuat keputusan yang difikirkan sesuai oleh anggotanya.

1MDB berkata, usul itu dinyatakan secara umum dan membabitkan pelbagai syarikat dan negara dan bukan khusus mengenai 1MDB atau Malaysia.

Kenyataan itu dikeluarkan merujuk kepada surat yang dihantar oleh Ketua Parlimen DAP, Lim Kit Siang dan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail kepada ahli-ahli Perhimpunan Persekutuan Switzerland, berkaitan satu usul yang akan dibahaskan di Majlis Kebangsaan (Dewan Rakyat) Perhimpunan Persekutuan.

Pada 16 Jun 2017, Ahli Parlimen Switzerland, Carlo Sommaruga, mengemukakan usul 17.3547 bertajuk 'Penghantaran Balik Dana Rasuah kepada Rakyat Yang Dirompak'.

Dalam usul berkenaan dinyatakan secara umum dan menyebut banyak nama syarikat serta negara.

"Ia bukan satu usul tertentu ditujukan kepada 1MDB atau Malaysia. Pada 30 Ogos 2017, Majlis Persekutuan Switzerland (sama dengan Kabinet), mengeluarkan analisis terperinci mengenai usul itu dan Kabinet Switzerland dicadangkan untuk menolak usul itu," katanya.

Katanya, antara lain, berkaitan sejumlah CHF104 juta (kira-kira RM430 juta) kini dipegang oleh Perbendaharaan Persekutuan Switzerland.

"Ini sebenarnya mewakili jumlah yang diperintahkan sebagai penyerahan kembali keuntungan oleh Pihak Berkuasa Pasaran Kewangan Switzerland (FINMA), terhadap bank tertentu, kerana dakwaan melanggar undang-undang Switzerland.

"Oleh itu, CHF104 juta itu adalah hasil denda oleh FINMA terhadap bank-bank tertentu," katanya.

1MDB berkata, menurut Menteri Kewangan Switzerland, Ueli Maurer, bank yang berkaitan telah membantah tindakan FINMA dan merayu tindakan berkenaan di Mahkamah Pentadbiran Persekutuan.



HASAN Ariffin

10. PAC saran had tunggakan cukai luar negara dinaikkan

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mencadangkan had tunggakan cukai bagi sekatan perjalanan ke luar negara dinaikkan kepada RM10,000 bagi pembayar cukai individu dan RM50,000 bagi syarikat.

Pengerusinya, Datuk Seri Hasan Ariffin, berkata had tunggakan cukai tidak kurang RM2,000 untuk individu yang dilaksanakan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) tidak sesuai dengan keadaan ekonomi semasa.

"PAC turut mengesyorkan sebelum sekatan dikenakan, LHDN perlu memastikan notis tunggakan cukai disampaikan kepada individu atau syarikat mengikut undang-undang seperti diamalkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

"Sistem penyampaian LHDN juga perlu dinaik taraf dengan menggunakan teknologi baharu seperti sistem pesanan khidmat ringkas (SMS), Whatsapp atau emel dalam menyampaikan notis peringatan tunggakan cukai atau sekatan perjalanan ke luar negara.

"LHDN dan Jabatan Imigresen juga perlu memastikan pangkalan data mereka sentiasa dikemas kini supaya tidak berlaku kes pembayar cukai yang sudah menjelaskan tunggakan cukai tetapi masih mengalami masalah ketika hendak ke luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan ketika membentangkan Laporan PAC berhubung Pengurusan Sekatan Perjalanan Ke Luar Negara di bawah Kementerian Kewangan dan LHDN di di Parlimen, hari ini.

Isu ini adalah hasil penemuan Jabatan Audit Negara dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 siri 2 yang dibentangkan di Parlimen pada 21 November 2016.

PAC mengadakan Mesyuarat Prosiding berhubung isu ini pada 27 Mac lalu dengan memanggil Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang diwakili Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Siti Zauyah Md Desa dan Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Sabin Samitah.

Mengikut LHDN, pembayar cukai (tidak termasuk warganegara asing) yang tidak dapat menjelaskan tunggakan cukai dan hutang sepenuhnya dibenarkan meninggalkan negara dengan sudah menjelaskan bayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada amaun tuntutan secara tunai atau bank draf.

Jika bayaran dibuat secara ansuran untuk baki cukai dan hutang, ia perlu dijadualkan bagi menyelesaikan baki amaun masih terhutang.

Pembayar cukai yang hendak ke luar negara tetapi gagal melunaskan tunggakan cukai berdepan tindakan denda tidak kurang RM200 dan tidak lebih RM20,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak (dua dari kanan) bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor (tiga dari kiri) dan Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron (kanan) melihat buku 'Najib Razak, Di Sebalik Nama' pada Jamuan Minum Teh PM bersama Rakyat dan Majlis Pelancaran Jentera Pilihanraya Barisan Nasional di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MiTC), Ayer Keroh.

11. RM200 juta bantu perkasa KR1M 2.0

AYER KEROH: Kerajaan meluluskan peruntukan RM200 juta kepada koperasi yang menjayakan program Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) 2.0 yang ditambah baik fungsinya bulan lalu, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, peruntukan itu bagi memperkasa lagi koperasi, khususnya yang menjalankan program kedai harga patut.

"Koperasi boleh memainkan peranan penting bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara dan melahirkan budaya keusahawanan serta budaya tadbir urus yang baik. Ia bagi memastikan negara mencapai tahap pembangunan seperti mana kita tetapkan di bawah Transformasi Nasional 2050 (TN50).

"Untuk mencapai sasaran itu, setiap komponen perlu menggembeleng hala tuju yang besar. Kita (kerajaan) juga bersetuju Akta Koperasi 1993 pindaan 2007 perlu dipinda menerusi sidang Parlimen akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis sambutan Hari Koperasi Negara 2018 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini, hari ini.

Pada majlis bertemakan 'Rakyat Sejahtera Bersama Koperasi' yang dihadiri lebih 10,000 ahli koperasi dari seluruh negara itu, tokoh perbankan, Datuk Aini Taib diumumkan sebagai Tokoh Hari Koperasi Negara 2018.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainuddin.

Perdana Menteri turut menggalakkan koperasi di seluruh negara supaya menjalankan sistem penilaian bagi mempelbagaikan sumber serta cabang perniagaan baharu.

"Sistem penilaian ini dapat memperbanyakkan peluang perniagaan baharu untuk diceburi koperasi, misalnya dalam sektor perladangan yang boleh juga menceburi bidang hiliran," katanya.

Najib turut memuji usaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melaksanakan Program Jualan Sentuhan Rakyat bagi meringankan beban kos sara hidup rakyat.

"Kerajaan berjanji akan meneruskan lagi program ini selepas melihat sambutan cukup menggalakkan. Ini menunjukkan kerajaan cukup prihatin dengan keperluan rakyat ditambah dengan kos sara hidup," katanya.



KUCHING 14 MAY 2015 (NST)/(KCH259J) BH/(KCM951S) HM. Beberapa kenamaan negeri serta ahli politik termasuk yang berjawatan dalam Kabinet negeri yang ada kaitan dengan syarikat pembalakan yang akaunya dibekukan akan dipanggil memberi keterangan dalam masa terdekat bagi membantu siasatan di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Cawangan Sarawak (SPRM). NSTP/NADIM BOKHARINADIM BOKHARI

12. Tahan 6 lelaki kes tanah Ijok elak ketirisan

KUALA LUMPUR: Tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan enam lelaki berhubung siasatan isu penjualan tanah di Ijok, Kuala Selangor, disifatkan sebagai langkah bijak agensi itu bagi memastikan tiada ketirisan berlaku dalam urusan jual beli aset berkenaan.

Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin, berkata beliau menyerahkan kepada SPRM menjalankan siasatan berhubung penahanan enam individu berkaitan kes tanah Ijok.

Katanya, dia tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai kes itu dan mahu tindakan diambil jika terbukti pihak terbabit bersalah.

"Apa yang saya tahu daripada luaran, kerajaan negeri sudah menyerahkan duit pampasan dan juga rumah kepada peneroka dan kes ini jadi siasatan SPRM yang membongkar kes enam individu terbabit.

"Saya amat berharap SPRM teruskan siasatan dan sekiranya ada penyelewengan dan jika betul perkara itu berlaku, kita harus ambil tindakan kepada individu terbabit," katanya ditemui di lobi Parlimen, hari ini.

Zuraida berkata, beliau tidak melihat keperluan untuk pejabat Menteri Besar memanggil mesyuarat khas mengenai tangkapan oleh SPRM.

"Ini kerana di peringkat Menteri Besar sudah mengeluarkan penjelasan kes tanah Ijok. Apa-apa transaksi yang terjadi sudah tentu tidak membabitkan pejabat Menteri Besar dan kerajaan negeri, saya berpendapat ia membabitkan individu.

"Apapun kita tunggu siasatan SPRM selesai untuk mengetahui apa sebenarnya berlaku," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Veteran UMNO Selangor, Datuk Ahmad Bahari Abdul Rahman berkata, SPRM membuktikan tiada tolak ansur kepada mana-mana pihak jika terdapat kepincangan dalam urusan penjualan tanah seluas kira-kira 880 hektar berkenaan.

"SPRM membuktikan agensinya memandang serius isu yang mempunyai unsur kepincangan tanpa mengira latar belakang sama ada membabitkan parti pembangkang mahupun kerajaan.

"Namun, apa yang boleh dilihat dengan jelas di sini adalah Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Kerajaan Selangor tidak jujur, malah dengan kejam menindas rakyat mereka sendiri," katanya ketika dihubungi, di sini, hari ini.

Katanya, Mohamed Azmin turut mengkhianati kepercayaan rakyatnya sendiri yang terpaksa menanggung kerugian akibat Kerajaan Selangor yang dipercayai menyalahguna kuasa dalam penjualan tanah itu.

"Rakyat terpedaya dengan sikap Mohamed Azmin yang mengangkat diri sendiri pada Pilihan Raya Umum (PRU) lalu kononnya dia akan membela nasib rakyat dan menjanjikan pemerintahan yang telus.


"Namun, kini apa yang terjadi, rakyat bersusah payah membangunkan tanah pula ditindas dan ditipu dengan pemberian wang pampasan tidak setimpal," katanya.

Pada Isnin lalu, enam lelaki termasuk dua individu bergelar Datuk ditahan SPRM kerana dipercayai terbabit dalam rasuah dan menyalahguna kuasa berkaitan penjualan tanah di Ijok.

Tangkapan dilakukan di beberapa syarikat pemaju sekitar Selangor dan Putrajaya antara jam 12.45 tengah hari hingga 4 petang itu membabitkan siasatan transaksi wang berjumlah kira-kira RM200 juta kepada lima syarikat iaitu masing-masing menerima lebih RM68 juta, RM62 juta, RM42 juta, RM16.5 juta dan RM8.5 juta.

Semua suspek berusia antara 34 hingga 84 tahun, termasuk dua beranak ditahan di Petaling Jaya dan pejabat SPRM Putrajaya.

SPRM turut membekukan sembilan akaun peribadi dan syarikat bernilai RM30 juta milik semua suspek.



berucap pada majlis pelancaran Laporan Tahunan NTP di Pusat Dagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC) di sini, malam ini. - Foto Syarafiq Abd Samad

13. Isu 1MDB tidak jejas pelaburan

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak hari ini menafikan persepsi negatif terhadap isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) menyebabkan pelaburan menurun dengan sektor swasta tidak lagi berminat untuk melabur.

Perdana Menteri berkata, apabila Program Transformasi Negara (NTP) bermula pada tahun 2010, pelaburan sektor swasta hanya pada kadar tujuh peratus dan kemudian melonjak kepada 11 peratus dalam tempoh tujuh tahun.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, nisbah pelaburan antara sektor swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) juga berubah dengan sektor swasta menjadi enjin pertumbuhan ekonomi.

"Dakwaan itu tidak betul sama sekali... nisbah pelaburan sektor swasta dan GLC berubah. Dulu pelaburan daripada GLC adalah 55 peratus, manakala 45 peratus dari sektor swasta.

"Kini berubah, apabila pelaburan sektor swasta menjadi 68 peratus, manakala bakinya iaitu 32 peratus adalah dari sektor kerajaan. Ini bermakna sektor swasta menjadi enjin pertumbuhan ekonomi negara menjadi kenyataan," katanya.

Najib menjawab soalan dikemukakan Penasihat kepada Perdana Menteri untuk NTP, Datuk Seri Idris Jala pada majlis pelancaran Laporan Tahunan NTP di Pusat Dagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC) di sini, malam ini.

Idris bertanya mengenai persepsi negatif terhadap isu 1MDB menyebabkan pelaburan ekonomi menurun dan sektor swasta tidak lagi berminat turut serta.



Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak semasa sesi dialog pada Pelancaran Laporan Tahunan Program Transformasi Negara 2017 di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) hari ini. Turut hadir, Moderator iaitu Ketua Pegawai Eksekutif Pemandu Associates Sdn Bhd Datuk Seri Idris Jala

14. 1MDB mangsa politik - PM

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata, kegagalan 1Malaysia Development Bhd (1MDB) adalah disebabkan tindakan pembangkang yang mempolitikannya bagi menjatuhkan kerajaan dipilih secara demokratik.

Perdana Menteri berkata, ia berlaku apabila Edra Energy yang sepatutnya disenaraikan ke Bursa Malaysia pada tahun 2015, gagal berbuat demikian akibat pembangkang mempolitikkan penyenaian berkenaan.

"Jika Edra Energy berjaya disenaraikan ketika itu, ia mampu meraih antara RM18 bilion hingga RM22 bilion, tetapi ia tidak dapat dilakukan. Akibatnya timbul masalah aliran tunai kepada 1MDB.

"Tetapi saya perlu nyatakan kerajaan sudah mengambil langkah menjalankan rasionalisasi terhadap 1MDB dan ia kini berjalan lancar seperti sekarang, projek Tun Razak Exchange yang akan mempunyai Menara Mulia yang mana apabila siap Ogos ini, bakal menjadi bangunan tertinggi di Malaysia. Kawasan ini juga akan menjadi sebuah pembangunan ikonik.

"Begitu juga Bandar Malaysia yang akan menjadi terminal kepada Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR). Projek pembangunan seluas 200 hektar ini akan menjadi sebuah projek hebat dalam beberapa tahun akan datang. Aset ini akan dijana dan digunakan untuk membayar hutang 1MDB, malah mungkin boleh meraih keuntungan hasil program rasionalisasi ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan dalam sesi dialog sempena pembentangan Laporan Tahunan Program Transformasi Nasional (NTP) 2017 di sini, sebentar tadi.

Sesi dialog itu dihoskan Penasihat kepada Perdana Menteri untuk NTP, Datuk Seri Idris Jala yang bertanyakan di sebalik banyak kejayaan dibuat kerajaan, namun isu 1MDB masih menjadi kritikan.

Mengulas lanjut, Najib berkata, laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) setebal 106 muka surat berhubung siasatan 1MDB, tidak menyebut yang beliau bersalah.

Malah, katanya, laporan itu juga tidak menyebut beliau mencuri duit 1MDB.

"Adakah duit derma daripada Kerajaan Arab Saudi adalah duit 1MDB, jawapannya tidak sama sekali. Maka atas isu ini, saya ingin menjelaskan laporan itu membuat kesimpulan saya tidak membuat kesalahan," katanya.

Najib berkata, laporan PAC sebenarnya membuat kesimpulan 1MDB adalah satu model perniagaan yang asasnya tidak kukuh.

Ini kerana, katanya, suntikan modal daripada kerajaan hanya RM1 juta tetapi 1MDB mempunyai program besar dan membuat pinjaman berjumlah RM42 bilion.

Mengulas tohmahan negara bakal muflis kerana banyak berhutang, Najib yang juga Menteri Kewangan menyifatkan dakwaan itu tidak berasas.

Beliau berkata, hutang negara kekal terkawal dan berkadar 50.8 peratus tahun ini, berbanding paras tertinggi iaitu 100.3 peratus pada 1986.

"Sekali pandang, tempat kita adakan program ini, MITEC sudah hebat, justeru tidak mungkin sebuah negara yang bakal muflis boleh bangunkan kompleks seperti ini.

"Jika kita nak lihat hutang negara lain seperti Jepun iaitu 240 peratus dan Amerika Syarikat, 108 peratus berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah lebih tinggi dari Malaysia.

"Jadi, tidak logik negara muflis kerana jika benar dakwaan mereka, negara lain yang mempunyai kadar hutang lebih tinggi patut muflis dulu," katanya.



MENTERI Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani bergambar bersama orang ramai pada majlis perasmian persidangan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2018, hari ini.

15. Laporan NTP bukti kejayaan pacu ekonomi negara

Kuala Lumpur: Laporan Program Transformasi Nasional (NTP) jelas menunjukkan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan kerajaan berjaya memacu ekonomi negara, di sebalik pelbagai cabaran termasuk ketidaktentuan ekonomi dunia.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata laporan pelbagai kejayaan dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, itu juga membuktikan kerajaan berjaya mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan dalam membangunkan ekonomi negara sepanjang 2017.

"Kalau kita lihat daripada segi ekonomi, di sebalik ketidaktentuan ekonomi dunia, turun naik harga komoditi, nilai ringgit tidak menentu, ketidakstabilan geopolitik serantau dan sebahagian kawasan dunia, kita masih dapat mengembangkan ekonomi sebanyak 5.9 peratus tahun lalu.

"Jika kita tengok banyak aktiviti bersangkut paut ekonomi negara, kita masih dapat mencapai KPI (Petunjuk Prestasi Utama) yang ditetapkan dalam membangunkan ekonomi," katanya selepas merasmikan persidangan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2018 hari ini.

Yang turut hadir Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah.

Johari berkata, dalam usaha memacu pembangunan ekonomi sesebuah negara, kestabilan politik yang baik amat penting terutama bagi meyakinkan pelabur untuk melabur.

"Untuk sesebuah negara membangunkan infrastrukturnya, ia mesti mendapat modal. Untuk orang (pelabur) keluarkan modal membantu membangunkan infrastruktur ini, kita mesti ada kestabilan politik yang baik.

"Kalau tidak ada, sukar untuk kita meyakinkan mereka dan mengembangkan ekonomi negara," katanya.

Ditanya mengenai pihak tertentu yang mendakwa tidak 'merasa' kemajuan ekonomi negara kini, Johari berkata, ia terpulang kepada individu terbabit.

"Sama ada kita rasa atau tidak (pembangunan ekonomi) terpulang kepada individu. Ia bersangkut paut dengan kehidupan kita, kita yang menyusun kehidupan kita.

"Misalnya dalam konteks kos sara hidup, kalau kita mempunyai gaji RM10,000 tetapi tidak tahu urus kehidupan, ia tidak akan cukup. Begitu juga orang yang bergaji RM5,000. Ini semua terletak pada individu. Kalau boleh kawal perbelanjaan ikut kesesuaian pendapatan mereka, selalunya mereka tidak berasa tertekan.

"Kadang kala, ramai antara kita silap buat pelaburan contohnya dalam skim yang tidak beri pulangan munasabah, akhirnya kita terpedaya terpaksa pinjam duit untuk membayar hutang yang kita pinjam dari bank," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, rekod Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menunjukkan ketika ini hampir 600,000 orang mendapatkan khidmat AKPK akibat kegagalan menguruskan kewangan diri atau isi rumah dengan baik.

"Kebanyakan daripada mereka ini silap menguruskan kewangan kerana pinjam di luar daripada kemampuan membayar, pakai kad kredit, pinjaman kenderaan dan rumah," katanya.



PERDANA Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak (tengah) pada majlis perasmian Perumahan Nelayan Muafakat Kedah di Kampung Nelayan, Tanjung Dawai

16. PM umum peruntukkan RM222 juta untuk Merbok

SUNGAI PETANI: Perdana Menteri, hari ini mengumumkan peruntukan RM222 juta bagi meningkatkan kualiti bekalan air terawat di beberapa kawasan dalam Parlimen Merbok.

Datuk Seri Najib Razak berkata, peruntukan berkenaan turut merangkumi projek menaik taraf Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan (LKIM) Tanjung Dawai, membabitkan kos RM6 juta.

"Selain itu, RM147 juta bagi kerja menaik taraf projek loji air Bukit Selambau yang sebelum ini berkapasiti memproses 30 juta liter sehari (mld) kepada 70 mld, yang akan bermula bulan depan.

"Saya juga ingin memaklumkan bagi kawasan Merbok ini, projek pembinaan loji simpanan air di Sungai Merbok diluluskan dengan peruntukkan sebanyak RM50 juta.

"Sementara itu, RM19 juta diperuntukkan bagi projek membaik pulih menara tangki air dan penggantian paip usang di kawasan Merbok serta Tanjung Dawai," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Perumahan Nelayan Muafakat Kedah, di Tanjung Dawai di sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Dawai, Datuk Tajul Urus Mat Zain, yang juga Ketua Umno bahagian Merbok, dan Pengerusi LKIM, Datuk Seri Dr Irmorhizam Ibrahim.

17. Kerajaan sasar bina 200,000 unit PPA1M

KUALA LUMPUR: Kerajaan menyasar membina 200,000 unit PPA1M dalam tempoh beberapa tahun akan datang kata, Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, setakat ini sebanyak 35,753 unit PPA1M sudah siap dan sedang dibina dengan 106,000 unit lagi dalam perancangan untuk dibina.

"Sebagai kerajaan prihatin, kami sentiasa mengambil berat dalam usaha untuk mempertingkatkan kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat.

"Sebab itu kerajaan memperkenalkan pelbagai program seperti Projek Perumahan Rakyat (PPR), Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia, Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Projek Rumah Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) dan PPA1M," katanya.

Beliau berkata demikian berucap pada Majlis Penyerahan Kunci Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) Metropolitan Kepong di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Najib berkata, PPA1M bukan sahaja menawarkan unit rumah dengan ruang yang luas serta persekitaran yang menarik dan bersih, malah menyediakan pelbagai kemudahan lain.

"Metropolitan Kepong sebagai contoh terbaik yang berharga dari RM90,000 hingga RM300,000 seunit dan harga itu jauh lebih rendah berbanding nilai pasaran.

"Mereka yang membeli rumah di projek ini mendapat banyak manfaat antaranya ialah mendapat rumah idaman, tinggal dalam kawasan yang selesa dan mendapat aset yang akan menambah nilai dari semasa ke semasa" katanya.

PPA1M Metropolitan Kepong dibangunkan oleh JL99 Holdings Sdn Bhd di atas tapak seluas 3.31 hektar bermula 27 Mei 2016 dan siap sepenuhnya pada 1 Mac lalu.

Kediaman berkonsepkan moden itu membabitkan pembinaan sebanyak 1,230 unit dengan harga jualan bermula dari RM90,000 hingga RM300,000 dan keluasan dari 850 hingga 1,500 kaki persegi.

PPA1M Metropolitan Kepong dilengkapi pelbagai kemudahan seperti kedai runcit, kedai dobi, taman permainan, surau, dewan serbaguna, klinik, pusat rekreasi dan gelanggang bola keranjang.

Tiada sesiapa kata manifesto pembangkang baik untuk negara

Sementara itu, mengulas mengenai manifesto pakatan pembangkang, Najib berkata, belum ada mana-mana pihak ketiga atau badan pengiktirafan yang mengatakan manifesto itu baik untuk negara.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta rakyat supaya tidak mudah menerima dan terpengaruh dengan janji ditawarkan pembangkang.

"Apa yang saya cakap ini adalah benar kerana tiada badan pengiktirafan, yang telah pun mengatakan apa yang terkandung dalam manifesto pembangkang baik untuk negara kita. Belum ada mana-mana pihak ketiga berkata demikian.

"Jadi kalau pihak yang bebas, pihak yang ada kredibiliti tidak yakin kepada manifesto dan agenda dibawa pembangkang, jangan mudah kita sebagai rakyat menerima apa dijanjikan oleh mereka," katanya.

Najib berkata, kerajaan sedia ada sebaliknya sudah membuktikan bahawa semua yang dijanjikan sudah ditunaikan, dengan pelbagai kemudahan dibina demi kesejahteraan rakyat.

"Lihat sahaja keadaan Wilayah Persekutuan hari ini, pengangkutan awam untuk rakyat, kemudahan perumahan untuk rakyat, projek seperti taman rekreasi dan sebagainya memperlihatkan banyak perubahan kepada kawasan Wilayah Persekutuan ini.

"Ini pembangkang pula kata mahu hapuskan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). RM20 bilion akan hilang setahun dan mana mungkin pelbagai kemudahan dapat disediakan untuk rakyat," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata jika GST dihapuskan, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) tidak mampu dilaksanakan dan bayaran khas RM1,500 seperti yang dijanjikan kepada penjawat awam tidak dapat diberikan.

"Kesan buruk adalah terhadap rakyat manakala ekonomi negara akan menguncup dan kadar pertumbuhan negara mungkin terjejas dan akhirnya rakyat menanggung derita," katanya.